

605MO

Jangan panik dengan banjir

GOMBAK - Warga kota dinasihatkan agar tidak mudah panik sekiranya berhadapan dengan fenomena banjir besar.

Ini kerana Unit Tindakan Khas Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membuat persiapan awal sekiranya kejadian itu berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Yew Teong Look berkata, pihaknya bersama DBKL, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Bulan Sabit Merah dan polis akan memberi bantuan dengan secepat mungkin.

"Kita kena bersedia lebih awal memandangkan banjir besar telah berlaku di selatan tanah air," katanya kepada pemberita dalam Majlis Hari Sukan Keluarga Kampung Sungai Merali dan Kampung Kuantan.

Tambahnya, pusat pemindahan mangsa banjir di sini melibatkan 12 dewan orang ramai dan 42 sekolah termasuk keperluan asas seperti makanan dan ubat-ubatan yang boleh menampung 13,000 mangsa.

Orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana Banjir DBKL di talian 03-40220033 atau 03-40220055 untuk sebarang maklumat mengenai kejadian banjir.